

**Konspirasi cuba jatuhkan kredibiliti saya – Noh
Utusan Online
December 16, 2011**

KUALA LUMPUR 15 Dis. - Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Seri Noh Omar menafikan sekeras-kerasnya penglibatan beliau dalam klip video Sembang Rakyat mengenai hudud di Kelantan yang dipaparkan di YouTube sejak beberapa hari lalu.

Beliau yang terkejut dengan tuduhan tidak berasas itu menegaskan, fitnah itu yang dilemparkan pembangkang hanya bertujuan menjatuhkan kredibilitinya sebagai pemimpin kerana khuatir melihat rakyat di Selangor sudah mula bangkit menyokong kepimpinan Barisan Nasional (BN).

"Ini adalah satu konspirasi jahat untuk menjatuhkan saya apabila mengaitkan saya dengan isu-isu sensitif. Sebagai pemimpin saya amat memahami sensitiviti rakyat dan sudah tentu tidak akan menggunakan perkara yang sensitif seperti keagamaan untuk dijadikan isu.

"Pembangkang sememangnya cukup bimbang dengan saya di Selangor. Mereka cuba membuat apa jua fitnah untuk mendapat kepercayaan rakyat. Sebelum ini mereka fitnah pasal insentif padi, mereka dakwa saya pengkhianat dan melesapkan lebih RM100 juta.

"Kali ini mereka gunakan isu hukum-hakam agama untuk menjatuhkan saya. Saya tidak membuat apa-apa atau mengarahkan mana-mana pihak untuk membuat sebarang rakaman seumpama itu. Ini adalah fitnah," katanya selepas menutup Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Datuk Azman Amin Hassan dan Setiausaha Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Dr. Raduan Che Rose.

Beliau mengulas dakwaan portal pembangkang, *Harakahdaily* kononnya rakaman video tersebut yang menghina hukum hudud dimiliki orang sama yang menguruskan blog Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani itu iaitu Pena Noh Omar.

Tambah Noh, pembangkang gemar menggunakan isu berkaitan rasuah, pengkhianat, perkauman dan anti-agama untuk menyemarakkan kebencian rakyat terhadap BN pada setiap masa lebih-lebih lagi menjelang pilihan raya umum.

"Mereka mahu rakyat Selangor berbilang kaum tidak menerima kepimpinan kita di negeri tersebut. Ia adalah satu pakatan jahat yang mereka gemar lakukan," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1216&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm